AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

COVID-19

# Impak positif pematuhan SOP

## PKPP ujian sebenar disiplin kendiri, sosial dalam kalangan masyarakat

Oleh Mohd Anwar Patho Rahman dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula hari ini ialah ujian sebenar terhadap tahap disiplin kendiri dan sosial dalam kalangan masyarakat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sejak beberapa hari lalu, tiada kes penularan dalam negara membabitkan kalangan warganegara.

Beliau berkata, pencapaian itu boleh dibanggakan selepas pelbagai usaha dilaksanakan bersama dengan semua pihak, menggunakan pendekatan seluruh jentera kerajaan dan masyarakat.

"Kementerian Kesihatan (KKM) menggunakan maklumat terbaharu daripada jumlah kes harian penularan di dalam negara membabitkan kalangan warganegara dan membandingkannya dengan graf pemodelan COVID-19 seperti yang diramal oleh Institut Kesihatan Negara (NIH).

"NIH dan KKM mendapati ia sejajar dengan unjuran kes harian dalam pemodelan berkenaan (kawasan biru) dan ia sememangnya menggambarkan impak positif tindakan yang diambil oleh kerajaan serta pematuhan rakyat terhadap prosedur operasi standard (SOP) dan saranan yang diberikan kerajaan," katanya dalam sidang media harian mengenai COVID-19, di sini, semalam.



*Pencapaian itu boleh dibanggakan selepas pelbagai usaha dilaksanakan bersama dengan semua pihak.*

***Dr Noor Hisham Abdullah,*** *Ketua Pengarah Kesihatan*

Dr Noor Hisham bagaimanapun mengingatkan masyarakat agar kekal waspada dan terus patuh kepada SOP serta saranan yang ditetapkan bagi memastikan tiada peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan masyarakat setempat.

Beliau mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia kerana bekerjasama dengan agensi kerajaan sehingga negara berjaya membendung penularan wabak itu.

"Menuju kepada penguatkuasaan PKPP yang akan bermula esok (hari ini), ia adalah ujian sebenar terhadap tahap disiplin kendiri dan sosial dalam kalangan masyarakat. Diharapkan, kita dapat memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 di Malaysia," katanya.

Ahad lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelaksanaan PKPP bermula 10 Jun hingga 31 Ogos ini bagi menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

BHTV

Pelaksanaan PKPP menyaksikan lebih banyak kelonggaran diberikan kepada rakyat untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian di samping mematuhi SOP secara berterusan termasuk perjalanan rentas negeri.

Malaysia semalam, mencatat kes COVID-19 satu angka untuk dua hari berturut-turut dengan tiada kes penularan dalam negara membabitkan kalangan warganegara.

Tujuh kes baharu dilaporkan semalam itu, menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 dalam negara adalah 8,336 kes.




Grafik BH

# Aplikasi MySejahtera pantau kuarantin di rumah

**Putrajaya:** Kos penginapan hotel yang tinggi mendorong kerajaan membenarkan rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara, menjalani tempoh kuarantin di rumah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata selain menjimatkan perbelanjaan kerajaan, kaedah itu juga diterima pakai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Beliau berkata, langkah itu juga dibuat selepas mendapati peratusan rakyat dijangkiti COVID-19 selepas pulang dari luar negara adalah kecil.

"Dengan kadar yang rendah, kita rasa ada baiknya membenarkan mereka menjalani kuarantin di rumah. Memang ia diterima pakai WHO.

"Walaupun kuarantin di rumah, kita masih boleh memantau kerana mereka dikehendaki mendaftar dalam aplikasi MySejahtera.

"Dengan adanya aplikasi itu, kita boleh gunakan dan memberi gelang tangan untuk mereka kuarantin selama 14 hari serta membuat pemantauan dari semasa ke semasa," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Sementara itu Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 281 kes pulih dari COVID-19 dicatatkan semalam, menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 6,975 kes atau 83.67 peratus dari keseluruhan kes.

Katanya, jumlah kes pulih yang dicatatkan semalam secara tidak langsung menjadi jumlah tertinggi yang pernah dilaporkan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, bagi kes baharu pula sebanyak tujuh kes dilaporkan iaitu enam kes import mendapat jangkitan dari luar negara dan satu kes penularan tempatan.

"Bagi kes penularan tempatan, individu terbabit ialah bukan dalam kalangan warganegara. Beliau dikesan selepas membuat ujian saringan kesihatan, iaitu satu keperluan bagi pekerja baharu sebelum dibenarkan bekerja di negara ini," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes baharu itu menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 8,336 kes dengan jumlah kebolehjangkitan sebanyak 1,244 kes.

"Sehingga kini, sebanyak enam individu yang positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan daripada jumlah berkenaan hanya satu kes yang masih memerlukan bantuan pernafasan.

"Bagi kes kematian pula, sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) tiada kes kematian disebabkan COVID-19 dilaporkan dan jumlahnya kekal sebanyak 117 kes atau 1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8A
RUANGAN : LOKAL




# Wajib kuarantin diri

## *PUS diberi wrist band sepanjang tempoh pengasingan*

Oleh Saipul Adli Mohamad, Ekhwan Haque Fazlul Haque dan Redzuan Muharam
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Semua orang dalam pemantauan (PUS) terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari biarpun Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan bermula hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia selaras dengan apa diputuskan kerajaan melalui mesyuarat khas, sebelum ini.

Beliau berkata, PUS wajib mendaftar dalam aplikasi MySejahtera dengan kos penginapan ditanggung sendiri jika mereka memilih menjalani kuarantin di hotel.

"Kita lihat 50,000 individu dilaporkan pulang dari luar negara dan kes positif sampel pertama adalah 0.1 peratus bersamaan 554 kes.

"Memandangkan kes rendah, lebih baik kuarantin di rumah seperti saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pada permulaannya, mereka menggunakan kaedah pemantauan dan kuarantin di rumah.

"Mulanya tiada aplikasi MySejahtera dan kini ada, jadi kita boleh gunakannya dengan lebih baik.

"Kita akan beri *wrist band* (gelang tangan khas) untuk dipakai dalam tempoh kuarantin itu," katanya.




WAKIL media melihat jumlah kes keseluruhan Covid-19 di Malaysia pada paparan skrin ketika sidang media harian Ketua Pengarah Kesihatan, semalam.

# *Impak positif pematuhan rakyat*

**Putrajaya:** Pencapaian membanggakan apabila tiada kes positif Covid-19 dicatatkan membabitkan penularan dalam kalangan rakyat tempatan di dalam negara, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini pencapaian yang boleh dibanggakan selepas pelbagai usaha dilaksanakan menggunakan pendekatan seluruh jentera kerajaan dan masyarakat.

PANDEMIK COVID-19

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggunakan maklumat terkini daripada jumlah kes harian penularan di negara dalam kalangan warganegara.

Katanya, ini berdasarkan perbandingan graf pemodelan Covid-19 seperti diramal Institut Kesihatan Negara (NIH) dan ia sejajar dengan unjuran kes harian dalam pemodelan berkenaan.

"Ini menggambarkan impak positif tindakan yang diambil kerajaan dan pematuhan rakyat Malaysia terhadap prosedur operasi standard (SOP) serta saranan diberikan kerajaan.

"KKM ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia atas kerjasama dengan kerajaan dalam usaha membendung penularan jangkitan Covid-19.

"Namun, masyarakat harus kekal waspada dan terus patuh kepada SOP serta saranan ditetapkan bagi memastikan tiada peningkatan kes Covid-19 dalam kalangan masyarakat setempat," katanya, semalam.

# Hasil bincang SOP dibentang ke Kabinet

**Putrajaya:** Hasil perbincangan berhubung prosedur operasi standard (SOP) sesi persekolahan akan dibentangkan ke Mesyuarat Kabinet hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya sudah mengadakan perbincangan lanjut bersama Kementerian Pendidikan namun keputusan akan diserahkan kepada Kabinet.

"Keputusan perbincangan akan dibentangkan (ke Mesyuarat Kabinet) dan pengumuman akan dibuat selepas itu.

"Sebaik keputusan diumumkan, tindakan susulan akan dibuat oleh semua kementerian berkaitan," katanya dalam sidang media harian Covid-19, semalam.

Menteri Kanan (Pendidikan) Mohd Radzi Md Jidin sebelum ini memaklumkan sesi persekolahan akan dibuka kepada pelajar kelas peperiksaan tingkatan lima dan enam terlebih dulu.

Pengumuman pembukaan sesi persekolahan itu akan dibuat dua minggu lebih awal supaya persediaan dapat dilakukan ibu bapa dan pelajar.

# 281 kes pulih, benar discaj dari hospital

**Putrajaya:** Terdapat 281 kes pulih dan dibenarkan discaj daripada hospital dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), setakat jam 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia adalah jumlah kes pulih tertinggi setakat ini, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes pulih terus meningkat kepada 6,975 kes dengan kadar kesembuhan 83.7 peratus.

Beliau berkata, sebanyak tujuh kes baharu jangkitan Covid-19 dilaporkan dan merekodkan 8,336 kes positif keseluruhan.

Katanya, tujuh kes berkenaan membabitkan enam kes import dan satu kes penularan tempatan membabitkan bukan warganegara yang disaring ketika mahu mula bekerja manakala tiada kes membabitkan warganegara.

"Sehubungan itu, kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 sebanyak 1,244 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan di hospital," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# PKPP ujian sebenar rakyat

Ujian terhadap tahap disiplin kendiri dan sosial dalam kalangan masyarakat

**PUTRAJAYA**

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula hari ini merupakan ujian sebenar terhadap tahap disiplin kendiri dan sosial dalam kalangan masyarakat dalam membendung penularan wabak koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ketiadaan kes penularan dalam negara dalam kalangan warganegara dicatatkan semalam merupakan satu kejayaan yang boleh dibanggakan.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggunakan maklumat terbaharu daripada jumlah kes-kes harian penularan dalam negara dalam kalangan warganegara dan membandingkannya dengan graf pemodelan Covid-19 seperti yang telah diramal oleh Institut Kesihatan Negara (NIH), KKM.

"Berdasarkan maklumat itu didapati ianya adalah sejajar dengan unjuran kes harian dalam pemodelan tersebut (kawasan biru).

"Ini sememangnya menggambarkan impak positif tindakan yang telah diambil oleh kerajaan serta pematuhan rakyat Malaysia terhadap prosedur operasi standard (SOP) dan saranan yang diberikan kerajaan," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, harapan kini terletak kepada rakyat secara keseluruhannya untuk mematuhi SOP yang ditetapkan.

"Masyarakat harus kekal waspada dan terus patuh kepada SOP serta saranan yang ditetapkan bagi memastikan tiada peningkatan kes Covid-19 dalam kalangan masyarakat setempat," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan Malaysia semalam mencatatkan sifar kes positif Covid-19 penularan tempatan melibatkan rakyat negara ini.

Menurutnya, daripada tujuh kes baharu yang dilaporkan, enam melibatkan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara dan satu kes tempatan membabitkan warga asing.


DR NOOR HISHAM

Selain itu, katanya, kes discaj juga mencatatkan jumlah tertinggi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan iaitu seramai 281 kes.

"Ini merupakan jumlah discaj tertinggi yang pernah dicatat setakat ini menjadikan kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 6,975 kes," katanya.

## KKM akan saring pelarian Rohingya di Langkawi

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuat ujian saringan wabak koronavirus (Covid-19) terhadap 269 pelarian etnik Rohingya yang mendarat di pantai Pulau Langkawi, Kedah kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah bagaimanapun berkata, perkara itu akan dibincangkan bersama dalam mesyuarat Menteri Kanan untuk tindakan selanjutnya.

"Kalau kita lihat semalam (kelmarin) memang betul ada pendaratan pelarian etnik Rohingya tetapi apa yang pasti 269 orang itu kita telah laksanakan saringan kesihatan dan mereka juga akan disaring untuk Covid-19.

"Tapi setakat ini kita akan bincang bersama mesyuarat Menteri Kanan dan tindakan seterusnya akan diambil bersama pelbagai agensi bukan hanya KKM," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kumpulan pelarian tersebut telah menjalani ujian saringan Covid-19.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan kaedah kuarantin di hotel bagi rakyat Malaysia yang baru tiba di tanah air telah menelan perbelanjaan yang amat tinggi.

Katanya, perkara itu mendorong kerajaan untuk membenarkan rakyat menjalani kuarantin di rumah masing-masing selepas ujian saringan pertama dilakukan terhadap mereka sebaik tiba.

"KKM akan melakukan pemantauan dari masa ke masa dengan menggunakan aplikasi MySejahtera dan gelang tangan (*wrist band*)," kata beliau.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

## Covid-19: Current situation globally
*(As of 7pm June 9, 2020)*

| Malaysia | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| | 7 | 8,336 | 117 | 6,975 |

| Asean+ | China | Singapore | Indonesia | Philippines | Japan | S. Korea | Thailand | Vietnam | Myanmar | Brunei | Cambodia | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 83,043 | 38,514 | 33,076 | 22,992 | 17,174 | 11,852 | 3,121 | 332 | 244 | 141 | 126 | 19 |
| Deaths | 4,634 | 25 | 1,923 | 1,017 | 916 | 274 | 58 | 0 | 6 | 2 | 0 | 0 |
| Recovered | 78,351 | 25,368 | 11,414 | 4,736 | 15,148 | 10,589 | 2,973 | 316 | 159 | 138 | 123 | 18 |

| Global Top 10 | US | Brazil | Russia | Spain | UK | India | Italy | Peru | Germany | Iran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 2,026,597 | 710,887 | 485,253 | 288,797 | 287,399 | 267,614 | 235,278 | 199,696 | 186,233 | 173,832 |
| Deaths | 113,061 | 37,312 | 6,142 | 27,136 | 40,597 | 7,481 | 33,964 | 5,571 | 8,792 | 8,351 |
| Recovered | 773,505 | 325,602 | 242,397 | N/A | N/A | 129,226 | 166,584 | 89,556 | 170,200 | 136,360 |

# Attractive flight offerings await

## AirAsia launches Unlimited Pass Cuti-Cuti Malaysia to selected domestic destinations

**PETALING JAYA:** AirAsia is inviting everyone to fly again with attractive domestic flight offerings in light of the easing of domestic travel restrictions under the recovery movement control order (MCO).

In a statement, AirAsia Malaysia chief executive Riad Asmat said they welcomed the government's decision to transition into the recovery MCO, and the lifting of movement restrictions would give a boost to the travel and tourism industry in the country.

"We are all in this together. Reviving the travel and tourism industry will need to be a collective effort, and we look forward to working together with all tourism stakeholders from hoteliers to travel agents to achieve this objective.

"By travelling domestically, we can all support local communities and contribute to rebuilding our economy," he said.

AirAsia has also set in place protocols that prioritise safety and health of passengers, including conducting mandatory pre-flight health checks and screening, disinfecting aircraft and baggage, while dressing crew members in full personal protective equipment.

AirAsia is also launching a RM399 Unlimited Pass Cuti-Cuti Malaysia, where travellers can fly to selected domestic destinations as many times as they want.

The pass, which is available for purchase by all BIG members in Malaysia, can be bought from June 11 to 13.

Travellers who purchase the pass can redeem flights for travel from June 25 to March 31, 2021.

The pass covers 16 destinations: Alor Setar, Langkawi, Penang, Ipoh, Johor Baru, Kuala Lumpur, Kota Baru, Kuala Terengganu, Kuching, Miri, Bintulu, Sibu, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau and Labuan.

Meanwhile, Berjaya Hotels and Resorts' (BHR) aircraft will also be flying directly from Subang Airport to Terengganu's Redang island on a daily basis.

"During the recovery MCO, the direct flight will provide a hassle-free experience by greatly reducing travel time to Redang Island from an average of four hours to an approximately one-hour flight.

"Moreover, passengers will enjoy privileges including access to the Naza Sky Lounge at Subang Airport, personalised check-in, a 15kg check-in luggage allowance plus a 7kg hand luggage allowance per person, availability of excess luggage storage, express boarding, and refreshments on board," BHR said in a statement.

# DG: Nod for quarantine at home following low rate of infection

By JOSEPH KAOS Jr
and ALLISON LAI
newsdesk@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The decision to allow Malaysians returning from abroad to be quarantined at home was made following the low rate of Covid-19 infection detected among them, says Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said out of the 51,347 returnees, the overall positive cases for Covid-19 was at 1%, with 554 cases.

"We detected 0.8% positive cases from the returnees' first swab tests, followed by 0.2% positive cases from their second swab test on the 13th day of the quarantine.

"The total number of positive cases for the second swab test were 134 cases, which is lower than the first test," he said during the ministry's daily Covid-19 briefing yesterday.

On June 7, Senior Minister (Security) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said that effective from today, Malaysians who returned from overseas can self-quarantine at home, if they tested negative for Covid-19.




Those who test positive will be sent to hospitals for treatment.

All Malaysian returnees are also required to download and register for the MySejahtera app, which will be used to monitor them.

Whoever fails to adhere to the compulsory quarantine requirement and standard operating procedure (SOP) will be fined RM1,000 and will be hauled to court.

The decision to allow home quarantine for Malaysian returnees was also made after taking into account the rate of Covid-19 infection in other countries, which has been brought under control.




**Latest updates:** Dr Noor Hisham (centre) with Health Ministry deputy director-general (medical) Datuk Dr Rohaizat Yon (right) and Disease Control Division director Dr Norhayati Rusli at the ministry's daily Covid-19 briefing in Putrajaya. — Bernama

"With this low rate, we feel it is better to do home quarantine, which is acceptable under the guidelines by the World Health Organisation (WHO)," said Dr Noor Hisham, adding that the cost of quarantining returnees at hotels is high.

He also noted that home quarantine was used before but without the MySejahtera app.

"Now that we have the app and the wristband, we will monitor them from time to time," he added.

Yesterday, Malaysia recorded seven Covid-19 cases. This was the second day in a row where the number of new infections are in the single digit.

The total number of cases in the country so far are 8,336 cases, with only 1,244 of them active.

Of the seven new cases, six were imported cases involving returning Malaysians who were infected overseas. The sole local case involved a foreign worker, which means there were no local transmission cases among Malaysians reported yesterday.

There were no new deaths for the third day in a row, and the death toll remained at 117.

Another 281 patients were discharged yesterday, which is the highest number of cases discharged in a day, so far.

Watch the video
thestartv.com

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Finally, a good sign for M'sia

## No new Covid-19 cases among locals for first time since MCO, record number of recoveries in a day

BY **RAJVINDER SINGH**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** Malaysia created two records of sorts yesterday.

There were no new local transmissions of Covid-19 among Malaysians for the first time since the movement control order (MCO) was imposed on March 18.

Also yesterday, 281 people were discharged, the highest number of patients to recover in a single day.

Another piece of good news is that there were no casualties either, keeping the death toll at 117. There were no new cases at immigration detention centres, nor were there cases pending results.

Health Ministry Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said that of the seven new cases reported as of noon yesterday, six were imported and the last one was a migrant worker.

Six patients remain in intensive care, with one still requiring a ventilator.

Noor Hisham said that if everyone adhered to the standard operating procedures (SOP) the country could eventually break the chain of Covid-19 infection without the need for a vaccine.

He cited the case of New Zealand, which has managed to eradicate the infection without any vaccine.

He also pointed out that Malaysia has already had a record of such a feat - the country successfully dealt with the SARS epidemic without vaccine.

"As long as the people continue to comply with the SOP, we can flatten the curve of infection," he said a his daily media briefing.

"We can aim for zero cases and it will be possible as long as we work together," he said.

Noor Hisham said the rate of infection in the country is below the projected rate because the people have been following the SOP.

He said the government is planning for a soft landing by slowly opening more economic sectors but this can only happen if the epidemic is brought under control.

"The government has decided that all those who returned from abroad should undergo a 14-day compulsory home quarantine. If they insist on being quarantined at hotels, they have to bear the cost. It has become too costly for the government to continue with hotel quarantine."

Noor Hisham pointed out that with the MySejahtera app, it is now easier to monitor those under home quarantine. All those under quarantine are required to register with MySejahtera and wear a wristband. Ministry officials will check on them from time to time.

Noor Hisham said it is likely that all three strains of the coronavirus are present in Malaysia.

He said that while Malaysia had the B-strain in the initial period, the other strains could have been brought home by returnees.

Noor Hisham said the one case involving a foreign worker was detected as he was about to start a new job.

He said it would be best if all workers who are about to start a new job be tested for Covid-19.




**COVID-19 ETIQUETTE ...** Hairstylist Aqilah Syafiqah Ibrahim, dons a PPE suit to show her employees (not in picture) the dos and don'ts to follow in serving customers at her salon in Kuala Lumpur yesterday. Hair salons and barber shops are allowed to resume business from today. *– ZAHID IZZANI/THESUN*